

**Program Jalinan Mesra Rakyat 1M'sia 2012 Di Seremban  
Bernama  
5 Januari , 2012**

SEREMBAN, 5 Jan (Bernama) -- Program Jalinan Mesra Rakyat 1Malaysia 2012 anjuran Jawatankuasa Penyelaras Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) peringkat Negeri Sembilan akan diadakan di Padang Awam Taman Desa Rhu, Sikamat, di sini selama tiga hari mulai esok.

Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Hashim Bedu berkata program itu padat dengan pelbagai pengisian antaranya pameran dan jualan jabatan dan agensi di bawah KPKK, ceramah, Senam Seni 1Malaysia, gotong royong, pertandingan karaoke 1Malaysia, pencarian harta karun, sukaneka serta sukan rakyat dan sukan tradisional.

"Pengunjung juga berkesempatan berkenalan serta beramah mesra dengan penyampai radio selain berpeluang memenangi pelbagai hadiah istimewa yang ditawarkan menerusi acara menarik yang dipertandingkan," katanya kepada Bernama di sini, Khamis.

Katanya program gotong royong perdana akan diadakan di tiga lokasi iaitu di Makam Tuan Haji Said, Kuil Kaligambar Taman Penaga dan Len Fha An Kuan Yin Templer.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim merasmikan penutupan program yang julung kali diadakan Ahad ini pada pukul 4 petang.

Pada majlis penutup itu penyanyi popular Amy Search dan Sharifah Zarina akan menghiburkan para tetamu di samping penampilan penyampai Radio Malaysia NEGERIfm, Adam dan Nen menerusi segmen berpantun Serampang Laut, katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638155>